

UMP bantu lepasan SPM pilih IPT

» Universiti adakan Hari Terbuka pada Rabu, Khamis ini

Oleh Syazwan Msar
bhnews@bh.com.my

► Kuantan

Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) perlu didedahkan mengenai maklumat berkaitan institusi pengajian tinggi (IPT) serta jurusan yang wajar dipilih bagi merealisasikan impian masing-masing.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata mereka perlu mendapatkan maklumat tepat bagi mengelak kekeliruan apabila membuat keputusan.

Katanya, kecelaruan memilih IPT serta jurusan pengajian juga boleh menyebabkan mereka hilang semangat untuk belajar dan akhirnya merugikan masa, tenaga serta wang ringgit.

"Lepasan SPM perlu memperoleh maklumat secukupnya sebelum memilih bidang pengajian dan kerjaya masing-masing kerana bukan hanya berdasarkan kelayakan, namun minat serta IPT yang berseesuaian adalah kriteria yang perlu dipandang serius.



Sukarelawan Hari Terbuka UMP 2014 mengedarkan risalah kepada pelajar UMP yang bakal dianjurkan pada 6 dan 7 Mac ini di Dewan Universiti Malaysia Pahang, Gambang, Kuantan. (FOTO SYAZWAN MSAR/BH)

Pelajar meninjau iklan Hari Terbuka UMP 2014 yang bakal dianjurkan.

Beri pendedahan

"Justeru, kami akan menganjurkan Hari Terbuka UMP 2014 pada Rabu dan Khamis ini khusus bagi memberi pendedahan kepada mereka yang mahu memperoleh maklumat terperinci berkaitan IPT awam serta swasta dan jurusan yang ditawarkan pihak berkaitan," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Hari Terbuka UMP 2014 dijadual dirasmikan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaacob, Rabu ini.

Ta mendasarkan pelajar dan penuntut politeknik dan kolej matrikulasi, guru, kaunselor dan

ibu bapa yang mahu memperoleh maklumat berkaitan syarat kemasukan program, penawaran program, khidmat bimbingan dan kaunseling serta semakan permohonan atas talian.

Program yang kali pertama diadakan di kampus UMP itu bagi memberi kemudahan kepada pengunjung bagi mendapatkan maklumat mengenai program prasiswazah, pasca siswazah dan pembangunan profesional serta pengajian berterusan secara berpusat.

UMP menawarkan 32 program bagi pengambilan pelajar pada peringkat prasiswazah kemasukan



sesi akademik 2014/2015, termasuk 27 daripadanya adalah program peringkat ijazah sarjana muda dan lima program peringkat diploma.

UMP turut menawarkan dua program dwijjazah yang membabitkan

kerjasama dengan IPT di Jerman, Hochschule Karlsruhe, University of Applied Sciences Jerman (HsKA) dalam bidang Kejuruteraan Automotif dan Kejuruteraan Mekatronik mulai tahun 2010.